

PM kecam parti pembangkang guna muallaf untuk bukan

UM 7 AUG 1985

Islam benci-Melayu

BUKIT MERTAJAM 6
Ogos - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengecam taktik sebuah parti pembangkang yang menggunakan muallaf untuk menimbulkan kebencian di kalangan masyarakat bukan Islam terhadap orang-orang Melayu dan parti UMNO.

Di samping itu katanya, muallaf - muallaf atau orang-orang yang baru memeluk Islam itu juga memainkan peranan mengapi - apikan perasaan rakyat bukan Melayu untuk membencikan UMNO dan Barisan Nasional.

Berucap di perhimpunan rakyat yang dihadiri oleh kira - kira 10,000 orang di

padang Sekolah Kebangsaan Guar Perahu di sini, Perdana Menteri memberi amaran bahawa pihaknya sedang memerhati tindak tanduk mereka itu dan jika perbuatan mereka itu didapati mencabuli undang - undang atau menyebabkan tercetusnya rusuhan, tindakan sewajarnya akan diambil.

Perhimpunan rakyat yang dianjurkan oleh UMNO bahagian Permatang Pauh itu turut disertai oleh ahli - ahli UMNO, Gerakan, MIC dan MCA serta para pemimpin parti termasuk Datuk Abdullah Haji Ahmad

Badawi, Encik Anwar Ibrahim, Ketua Menteri Dr. Lim Chong Eu dan Timbalan Menteri Pertanian Dr. Goh Cheng Teik.

Datuk Sri Dr. Mahathir tidak pula menerangkan, parti yang dimaksudkan itu tetapi dipercayai adalah PAS yang sejak akhir - akhir ini telah mengambil saudara baru untuk menjadi pegawainya dan mengadakan perjumpaan - perjumpaan di tempat yang selama ini diketahui digunakan oleh orang - orang Cina sahaja.

Beliau berkata, satu perkembangan baru yang saya lihat ialah penggunaan orang - orang yang baru memeluk agama Islam untuk menjadi alat politik untuk mengapi - apikan perasaan orang bukan Melayu terhadap UMNO dan Barisan Nasional."

Katanya, mereka ini yang baru memeluk agama Islam kerana kepercayaan kepada agama Islam sekarang ini sudah diperalatkan oleh parti untuk membangkitkan perasaan benci terhadap orang Melayu dan UMNO dengan membuat bermacam - macam hujah berasaskan kepada perkauman.

Menurut beliau, orang - orang yang baru memeluk agama Islam itu digunakan kerana orang - orang ini boleh bertutur dalam bahasa yang tidak difahami oleh kebanyakan orang Melayu dan mereka ini digunakan untuk mengapi - apikan perasaan kebencian terhadap UMNO.

Perdana Menteri yakin, para penduduk tidak akan membenarkan orang - orang seperti ini datang memecahbelahkan kaum - kaum yang ada di tempat mereka.

"Saya yakin orang - orang Cina tidak akan dengar muallaf - muallaf yang diperalatkan datang membawa bermacam hujah bertujuan membangkitkan perasaan marah di kalangan orang - orang Cina terhadap UMNO," katanya.

Tegasnya, "jika mereka cuba juga, penduduk - penduduk yang terdiri dari orang Cina akan menolaknya."

Perdana Menteri juga yakin, masa depan negara ini bergantung kepada kerjasama kaum, di mana Dasar Ekonomi Baru satu dasar adil untuk membahagi - bahagikan kekayaan kepada semua pihak.